

16/05/1997

KM Melaka: PM serah kepada Anwar

SERI ISKANDAR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyerahkan kepada Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk melantik Ketua Menteri Melaka yang baru berikutan kematian Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani semalam.

Menurut Perdana Menteri, disebabkan beliau akan bercuti selama dua bulan tidak lama lagi, Anwar selaku pemangku mempunyai kuasa penuh untuk membuat pelantikan itu.

Walaupun sudah memikirkan beberapa calon, Dr Mahathir berkata beliau belum membuat keputusan kerana jawatan itu tidak perlu diisi segera.

"Walaupun saya akan bercuti, Anwar sebagai Pemangku Perdana Menteri mempunyai kuasa penuh untuk membuat keputusan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Safire Pharmaceuticals Sdn Bhd (Safire) di sini, hari ini.

Ketika ditanya sama ada beliau sekali lagi akan melakukan kejutan dengan melantik seorang menteri Pusat ke jawatan itu seperti dilakukan untuk jawatan Menteri Besar Selangor, Dr Mahathir secara berseloroh berkata beliau berhasrat melakukan sesuatu yang "benar-benar mengejutkan" dengan melantik seorang pemberita ke jawatan itu.

Di MELAKA, Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, Datuk Nasir Manap menghantar surat pemberitahuan kekosongan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Melekek kepada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) di Kuala Lumpur.

Nasir berkata, surat pemberitahuan sudah disampaikan kepada Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabuddin.

Mengikut Perlembagaan Negeri Melaka peranggan 19.5, sesuatu kekosongan luar jangkaan hendaklah dipenuhi dalam tempoh 60 hari daripada tarikh kekosongan itu berlaku dan satu pilihan raya hendaklah diadakan sewajarnya.

Allahyarham Mohd Zin, 55, memenangi kerusi DUN kawasan berkenaan pada pilihan raya umum 1995 setelah menewaskan calon Pas dengan majoriti 4,491 undi.

Beliau memenangi kerusi itu pada cubaan pertama pada pilihan raya umum 1986 ketika kawasan itu dikenali sebagai DUN Kelemak dan mengekalkannya pada pilihan raya umum 1990.

(END)